

Istiadat KONVOKESYEN

Universiti Teknologi MARA Ke-89

2018 • Dewan Agung Tuanku Canselor

Sidang Pertama Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-89 di Shah Alam telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang dan disempurnakan oleh YABhg Tun Datuk Seri Panglima Hj. Ahmadshah Abdullah, Pro-Canselor UiTM.

Istiadat yang berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam itu meraikan seramai 156 graduan yang terdiri daripada 14 penerima Anugerah Graduan Cemerlang dan 142 penerima Ijazah Doktor Falsafah.

Istiadat pada kali ini turut menyaksikan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada YBhg. Profesor Dato' Dr Khalid Yusoff.

Beliau merupakan Dekan Pengasas Fakulti Perubatan UiTM dan telah berkhidmat sejak tahun 2004 hingga 2013. Penganugerahan ini merupakan suatu penghargaan oleh universiti atas kepakaran dan sumbangan beliau dalam memastikan kursus-kursus perubatan UiTM diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa.

Istiadat Konvokesyen UiTM ke-89 telah berlangsung di 13 buah kampus cawangan bermula 20 Oktober sehingga 28 November 2018 dengan jumlah keseluruhan seramai 24,662 orang graduan.



Program Kayuhan Amal *bersama* Raja Muda Perlis



Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mengambil inisiatif tersendiri dengan menubuhkan Tabung Mobiliti Pelajar khusus untuk membiayai pelbagai program yang melibatkan pelajar antaranya seperti pertukaran pelajar ke luar negara, *summer school*, *finishing school*, keusahawanan, latihan industri serta pelbagai program lain yang memberi banyak manfaat kepada pelajar.

Bersempena dengan pelancaran tabung tersebut pada 9 September yang lalu oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, baginda berserta Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil turut bercemar duli menyertai kayuhan amal sejauh 15 kilometer serta acara 'Gorgo Race' bersama lebih 1,000 orang peserta.

Baginda turut menekankan betapa pentingnya menyemarakkan kegiatan sukan bagi melahirkan warga kampus yang cergas dan sihat serta turut melahirkan rasa sukacita dengan penubuhan Tabung Mobiliti Pelajar bagi memastikan agenda pendidikan anak bangsa terlaksana dengan jayanya.

Selain kehadiran Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said serta barisan pengurusan kanan universiti, program yang diadakan di UiTM Kampus Puncak Alam itu turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Operasi Sistem Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS), Prof Datuk Dr Rujhan Mustafa dan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Abang Salehuddin Abang Shokeran.





UiTM Solar Power Sdn Bhd Terima Anugerah IET Malaysia

Pada 22 September 2018 bertempat di Sheraton Imperial Hotel Kuala Lumpur, satu majlis penyampaian anugerah *Institute of Engineering and Tech (IET) Malaysia Industrial Award 2018* telah diberikan kepada salah sebuah anak syarikat UiTM Holdings Sdn Bhd (UHSB) milik Universiti Teknologi MARA (UiTM), iaitu UiTM Solar Power Sdn Bhd (USPSB). Anugerah ini diterima atas pencapaian sumbangan UHSB terhadap alam sekitar, masyarakat serta masa depan sektor industri tenaga baharu di Malaysia melalui pembinaan Jana Kuasa Tenaga Elektrik Solar Photovoltaik (PV) Berskala Besar berkapasiti 50MWac di Gambang, Pahang.

Jana kuasa solar ini dijangka siap pada hujung tahun ini dan bakal dilengkapi

dengan Pusat Penyelidikan Solar pertama milik UiTM. Pusat penyelidikan solar ini bakal memberi manfaat kepada para penyelidik UiTM dan juga penyelidik luar.

Jana Kuasa Tenaga Solar Photovoltaik Berskala Besar milik UiTM ini merupakan jana kuasa solar yang terbesar di dunia yang dimiliki dan diselenggara oleh sebuah universiti. Hal ini juga sejajar dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan kadar peratus penjanaan tenaga boleh baharu daripada 2% kepada 25% menjelang tahun 2025. Jana kuasa solar ini mampu menghindari pengeluaran lebih daripada 50,000 tan karbon dioksida setahun dan membolehkan pembekalan tenaga elektrik bersih ke 17,000 buah rumah.





MDS Sesi 1 2018/2019

Amanat Naib Canselor dan Majlis Perasmian Minggu Destini Siswa (MDS) telah berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam. Majlis telah dirasmikan oleh Naib Canselor UiTM, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said. Majlis ini turut dipancarkan secara langsung menerusi *live streaming* ke seluruh kampus cawangan melalui WebTV UiTM, yang dikendalikan dengan kerjasama Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat bersama Pejabat Infostruktur.

Minggu Destini Siswa atau MDS yang para pelajar lalui merupakan wahana asimilasi dan transformasi ke fasa baharu iaitu alam universiti. Objektif utama ialah untuk para pelajar dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus yang akan menjadi pengalaman berharga bermakna. Dalam ucapan Naib Canselor, beliau menekankan bahawa sebagai mahasiswa UiTM, para pelajar perlulah berusaha dengan bersungguh-sungguh secara bijaksana dan berintegriti. Tidak lengkaplah majlis ini tanpa bacaan ikrar, yang merupakan janji pelajar baharu UiTM diri sendiri, keluarga, bangsa dan negara.



Konvensyen Karamah Bangsa



Pada 6 September 2018, sempena meraikan Bulan Kebangsaan 2018, Pejabat Kursi Institusi Raja-Raja Melayu telah menganjurkan program 'Konvensyen Karamah Bangsa' yang bertempat di Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam.

Antara matlamat utama program adalah untuk memupuk semangat kecintaan dan rasa bangga warga UiTM terhadap kewujudan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) disamping menyuntik kesedaran khususnya generasi muda terhadap kepentingan memahami sejarah penubuhan dua institusi ini yang telah memberi sumbangan besar kepada bangsa Melayu dan negara. Program ini telah menghimpunkan tokoh ilmunan dan pemikir Melayu bagi berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkaitan sejarah asal penubuhan MARA dan UiTM.

Antara pembentang yang hadir berkongsi ilmu dan pengalaman ialah YABhg Tun Mohammed Hanif Omar, Mantan Ketua Polis

Negara, YBhg Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, Pengamal Undang-undang dan YBhg Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub, Pro-Canselor UiTM.

Program turut dihadiri oleh YBhg Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said, Naib Canselor UiTM yang seterusnya menyampaikan ucapan sempena konvensyen ini. Naib Canselor dalam ucapannya telah berkongsi maklumat tentang inisiatif pihak universiti mewujudkan Kursi Institusi Raja-Raja Melayu di UiTM yang penubuhannya telah mendapat perkenan daripada Majlis Raja-Raja. Di samping itu, warga UiTM diseru agar menanam tekad untuk terus menyumbang dalam bidang kemahiran masing-masing dalam meningkatkan kecemerlangan universiti di persada antarabangsa dan seterusnya mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Program telah dihadiri oleh seramai 400 orang peserta yang terdiri daripada Pengurusan Kanan UiTM, staf pentadbiran dan akademik serta pemimpin pelajar.





SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2018



Universiti Teknologi MARA (UiTM) terus menzahirkan rasa cinta dan semangat patriotisme di kalangan warganya.

Dengan tema tahun ini Sayangi Malaysiaku, Akademi Pengajian Bahasa (APB) telah dipilih menjadi tuan rumah bagi sambutan Hari Malaysia.

Sambutan telah diadakan pada 14 September lalu di Auditorium APB, UiTM Shah Alam. Majlis disemarakkan dengan persembahan-persembahan patriotik daripada pelajar-pelajar APB dan Sekolah Menengah Kebangsaan Shah Alam serta warga APB sendiri.

Turut hadir ke majlis tersebut adalah pengurusan kanan serta warga UiTM yang turut mengambil bahagian dalam pertandingan bergambar sempena Hari Malaysia.





Majlis Anugerah Tokoh Maal Hijrah UiTM

Pada 15 Oktober yang lalu telah diadakan Majlis Anugerah Tokoh Maal Hijrah bagi tahun 1440H/2018M. Majlis yang diadakan di Dewan Mukhtamar 1, Masjid Alwathiqubillah Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM Shah Alam ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor, Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said.

Selain penganugerahan kepada tokoh, majlis ini turut diimarahkan dengan ceramah bertajuk 'Menyantuni Umat Membawa Rahmat' oleh penceramah bebas dan personaliti tv iaitu Ustaz Ghazali Ibrahim.

Berikut adalah senarai Tokoh Maal Hijrah UiTM 1440H/2018M:

Tokoh Akademik

Puan Hajah Norshiha Hj Saidin
Ketua Pusat Pengajian Asasi TESL, Fakulti Pendidikan

Tokoh Pentadbiran

Tuan Haji Md Kail @ Ikhwan Md Nor
Timbalan Ketua Pegawai Psikologi
UiTM Cawangan Pahang

Tokoh Pelajar

Saudara Muhammad Afiq Nor Khairull-Amli
Sarjana Muda Muamalat
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)





Pertandingan **IDEX2018** Invention, Innovation & Design Exposition

Pertandingan IDEX2018 telah menerima tajaan daripada Bank Islam sebagai penaja rasmi dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC). Majlis penutup dan penyampaian hadiah dirasmikan oleh Naib Canselor UiTM, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Hassan Said dan Ketua Pegawai Eksekutif BIMB, YBhg Encik Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff. Pada pertandingan IDEX2018 kali ini, sebanyak 192 jumlah pingat emas telah diraih oleh para peserta, 213 pingat perak, dan 279 pingat gangsa.

Pada tahun ini telah berlangsung Pertandingan IDEX2018 yang ke-15 pada 24-28 September 2018 di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Bertemakan "Championing Innovation Revitalizing Communities", program ini menjadi salah satu medium penting bagi pertandingan berinovatif dan reka cipta pada setiap tahun oleh Universiti Teknologi MARA. Sebanyak 684 penyertaan (518 penyertaan UiTM) dipertandingkan dan 33 anugerah utama dimenangi. Manakala sebanyak 13 kategori ciptaan berkaitan dengan inovasi daripada sekolah, kolej, institusi pengajian tinggi, universiti awam, swasta, dan antarabangsa dipertandingkan pada IDEX2018 tahun ini. Selain itu sebanyak 410 produk penyertaan daripada 684 produk adalah daripada 41 kontinjen UiTM seluruh Malaysia.





Simposium **KECEMERLANGAN OPERASI**

Simposium Kecemerlangan Operasi 2018 telah diadakan dengan jayanya di Intekma Resort and Convention Centre, Shah Alam pada 15 Oktober 2018. Simposium ini memberi pengiktirafan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah melaksanakan penambahbaikan proses di unit masing-masing.

Bertemakan "Kecemerlangan Operasi Memacu Kecekapan Pengurusan" simposium ini berjaya memberikan motivasi dan semangat kepada semua warga UiTM untuk membudayakan penambahbaikan proses melalui inovasi dan kreativiti dalam melaksanakan proses kerja. Pihak InQKA berbesar hati dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada YBhg. Prof Emeritus Dato' Dr. Hassan Said, Naib Canselor, UiTM yang sudi merasmikan Simposium Kecemerlangan Operasi tahun ini.

Berikut adalah senarai pemenang-pemenang Kecemerlangan Operasi 2018. Syabas dan tahniah diucapkan.



Juara Keseluruhan

UiTM Cawangan Selangor

Pemenang Proses Akademik

Tempat Pertama dan Kedua - UiTM Cawangan Pahang
Tempat Ketiga dan Keempat - UiTM Cawangan Perak

Pemenang Proses Pentadbiran

Tempat Pertama	- UiTM Cawangan Selangor
Tempat Kedua	- Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
Tempat Ketiga	- UiTM Cawangan Pahang
Tempat Keempat	- Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

Pemenang Proses Kewangan

Tempat Pertama	- Perpustakaan Tun Abdul Razak
Tempat Kedua	- Institut Pengajian Siswazah (Ipsis)
Tempat Ketiga	- Fakulti Farmasi



Majlis Pelancaran Program Diploma Eksekutif Pengajian Bola Sepak

17 Oktober 2018 - Majlis Pelancaran Program Diploma Eksekutif Pengajian Bola Sepak telah berlangsung di Wisma FAM, Kelana Jaya. Universiti Teknologi MARA (UiTM) hari ini melancarkan Program Diploma Eksekutif Bola Sepak dibawah kendalian Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi. Penawaran Program Diploma Eksekutif ini bertujuan bagi menyediakan peluang kepada penggiat sukan bola sepak bagi mengikuti pendidikan bertaraf profesional berlandaskan sains dan teknologi serta memenuhi kehendak pasaran disamping menyokong dasar pembangunan sukan negara.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia, Datuk Hamidin Mohd Amin dan turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof. Dato' Dr Abdullah Mohamad Said.



Pada masa yang sama turut berlangsung majlis penyerahan Jalur Gemilang kepada pasukan bola sepak UiTM yang akan beraksi di Kejohanan Asian University Sports Federation Football Championship di Jinjiang, China bermula pada 29 Oktober hingga 11 November 2018.



SIDANG REDAKSI

Penaung

Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Penasihat

Alfina Bakar

Ketua Editor

Mohammad Syazwan Mohd

Editor

Aida Ahmad Saipuddin

Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik

Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

Penulis Berita

Hanisah Yacob

Umi Kazura Zakaria

Nur Idune Hayana Che Mohd

Nor Azlina Nordin

Noor Suhada Sapri (Pelatih Industri)

Nurain Anatrach Abdul Sattar (Pelatih Industri)

Jurufoto

Roslan Daud

Shamsul Hidayat Omar

Shazana Shabuddin

Shahida Nordin

Edaran

Asura Rahman

 @VCUiTM

 UiTM *di hatiku*
YouTube

 www.uitm.edu.my

 **UiTM Rasmi:** www.facebook.com/uitmrasm
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor



UiTM *di hatiku*